



**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-61265812 / Faks : 03-61361978



**JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
(IKLAN LUARAN)**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa memohon jawatan dalam iklan ini :

BIL	JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN
1.	TARAF / KEKOSONGAN	:	TETAP / 01
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN SOSIAL
	GRED JAWATAN	:	S27
	JADUAL GAJI	:	MINIMUM (RM 1,362.00) MAKSIMUM (RM 5,092.00)

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :-

- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Fizik dan Matematik pada peperiksaan tersebut; atau
(Gaji Permulaan : RM 1,362.00)
- Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji Permulaan : RM 1,362.00)

IKLAN JAWATAN KOSONG

- Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji Permulaan : RM 1,661.95)

- Diploma Komunikasi dan Media yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji Permulaan : RM 1,661.95)

- Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

BIL	JAWATAN	:	PEMBANTU PENILAIAN
2.	TARAF / KEKOSONGAN	:	KONTRAK / 01
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
	GRED JAWATAN	:	W17
	JADUAL GAJI	:	MINIMUM (RM 929.00) MAKSIMUM (RM 3,377.00)

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :-

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;

(Gaji Permulaan : RM 929.00) atau
- Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji Permulaan : RM 1,379.92) dan
- Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :-

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :-

- i. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan penilaian prestasi yang terkini;
- ii. Permohonan daripada kakitangan Majlis Perbandaran Selayang yang sedang berkhidmat hendaklah dihantar melalui Ketua Bahagian Sumber Manusia;
- iii. Permohonan mestilah disertakan dengan salinan dokumen dan sijil yang telah disahkan; (salinan sah juga boleh disahkan oleh Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang)
- iv. Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga;
- v. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- vi. Sila pastikan semua ruangan yang perlu diisi, hendaklah dilengkapkan dan bertandatangan.

PERMOHONAN :-

Borang MPS 1 boleh dibeli di Kaunter Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 7, Menara Majlis Perbandaran Selayang dengan harga RM 1.00 tunai / naskah atau boleh dicetak melalui Laman Sesawang MPS www.mps.gov.my.

Permohonan hendaklah dihantar **dengan menggunakan sampul surat dan dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat** kepada :-

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 7, MENARA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG,
PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG,
68100 BATU CAVES,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

No. Iklan : (05)dlm.MPS 3/2-1378.Jld.8

Tarikh iklan pada : 29 April 2016

Tarikh tutup iklan pada : 13 Mei 2016 (Jumaat pukul 5.00 Petang)

SENARAI SEMAK PEMOHON

BIL	PERKARA	ADA	TIADA
1.	Borang Permohonan Jawatan		
2.	Gambar		
3.	Surat Permohonan melalui Ketua Jabatan (Bagi Pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat)		
4.	Salinan Ijazah / Diploma / Sijil STPM / SPM / UPSR / PMR (yang berkenaan)		
5.	Salinan Kad Pengenalan & Sijil Kelahiran		
6.	Salinan Sijil Berhenti Sekolah Menengah/Rendah		

❖ **SALINAN DOKUMEN DAN SIJIL HENDAKLAH DISAHKAN.**